



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 7 (70)
Tarikh : 27 Mei 2022

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2022

PERALIHAN PENGGUNAAN KOD BRAILLE BAHASA MELAYU EDISI PINDAAN
2004 KEPADA KOD BRAILLE BAHASA MELAYU PINDAAN 2020 BAGI MURID
BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN
SECARA BERPERINGKAT MULAI TAHUN 2023

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Peralihan Penggunaan Kod Braille Bahasa Melayu Edisi Pindaan 2004 kepada Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020 (Kod BBM2020) bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Ketidakupayaan Penglihatan Secara Berperingkat Mulai Tahun 2023.

LATAR BELAKANG

2. Soal selidik berkaitan penggunaan Kod Braille Bahasa Melayu Edisi Pindaan 2004 telah dilaksanakan oleh Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta, Malaysia (NCBM) sebuah organisasi Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai autoriti terhadap kod Braille di Malaysia pada tahun 2018. Dapatan soal selidik berkenaan mendapati terdapat keperluan untuk membuat penambahbaikan terhadap Kod Braille Bahasa Melayu Edisi Pindaan 2004.

3. Peralihan Kod Braille Bahasa Melayu Edisi Pindaan 2004 kepada Kod BBM2020 dilaksanakan sejajar dengan penggunaan Kod Unified English Braille (UEB). Peralihan tersebut selaras dengan kemajuan sistem transkripsi Braille dan peranti pemapar Braille yang sedang digunakan serta mencakupi perubahan dalam Kod Braille Matematik, fonetik, penggunaan huruf besar, tanda fon (italik, bold dan tanda garis) dan tanda khas untuk mata wang Ringgit Malaysia.

4. Penggunaan Kod BBM2020 dapat membantu MBPK ketidakupayaan penglihatan di sekolah pendidikan khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif menerima akses pendidikan yang berkualiti seterusnya dapat berkongsi maklumat dan bahan penerbitan Braille menggunakan format Kod BBM2020 secara meluas.

5. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 11 Januari 2022 telah meluluskan Peralihan Penggunaan Kod Braille Bahasa Melayu Edisi Pindaan 2004 kepada Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020 bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan Secara Berperingkat Mulai Tahun 2023.

PELAKSANAAN

6. YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Kod BBM2020 digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran MBPK ketidakupayaan penglihatan di sekolah rendah dan sekolah menengah. Penggunaan Kod BBM2020 dapat membantu Calon Berkeperluan Khas (CBK) untuk menghadapi peperiksaan awam.

7. Strategi Pelaksanaan Peralihan Penggunaan Kod Braille Bahasa Melayu Edisi Pindaan 2004 Kepada Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020 bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Ketidakupayaan Penglihatan Secara Berperingkat Mulai Tahun 2023 yang dilampirkan bersama-sama SPI ini adalah sebagai rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Kod BBM2020.

8. Buku Panduan Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020, Ringkasan Perubahan Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020 dan Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020 (Jilid 1 dan Jilid 2) terbitan dan edaran NCBM perlu digunakan sebagai rujukan dan perlu dibaca bersama-sama dengan SPI ini.

TARIKH KUAT KUASA

9. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai hari pertama sesi persekolahan tahun 2023.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

10. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dikehendaki mengambil tindakan bagi menentukan supaya pihak sekolah benar-benar mematuhi perkara yang ditetapkan. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan juga hendaklah memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(DATUK HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

STRATEGI PELAKSANAAN PERALIHAN PENGGUNAAN KOD BRAILLE BAHASA MELAYU EDISI PINDAAN 2004 KEPADA KOD BRAILLE BAHASA MELAYU PINDAAN 2020 BAGI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN SECARA BERPERINGKAT MULAI TAHUN 2023



Buku Rujukan:

1. Buku Panduan Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020.
2. Ringkasan Perubahan Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020.
3. Kod Braille Bahasa Melayu Pindaan 2020 (Jilid 1 dan Jilid 2).
(sumber: Majlis Kebangsaan bagi Orang Buta, Malaysia)